

TARIKH : 28.11.2019 (KHAMIS)
MEDIA : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 20

Tidak tahu wang untuk Isa Samad

Saksi ke-17 menyerahkan semula komisen RM9 juta kepada Felda

AZLIDA ALJMIN

KUALA LUMPUR

Saksi ke-17 memberitahu Mahkamah Tinggi di sini semalam bahawa dia tidak mengetahui wang yang ditunaikan berhubung pembelian Merdeka Palace Hotel & Suites (MPHS) di Kuching, Sarawak adalah untuk bekas Pengurusi Felda, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad.

Azizi Abd Wahab, 53, berkata, sepanjang berurusan dengan bekas Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Gegasan Abadi Properties Sdn Bhd



Isa (kanan) ditemui di luar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur semalam.

(GAPSB), Ikhwan Zaidel, dia tidak pernah berjumpa atau berurusan dengan Mohd Isa.

"Saya hanya bertemu dengan Zahid Md Arip (pegawai khas kepada Pengurusi Felda) semasa saya perkenalkan beliau dengan Ikhwan ketika lawatan ke hotel di Sarawak," katanya.

Semasa pemeriksaan basas dengan peguam, Datuk

Salehuddin Saidin yang mewakili Mohd Isa, Azizi berkata, syarikatnya, JV Evolution Sdn Bhd (JVESB) patut menerima komisen sebanyak RM10 juta selepas bertindak sebagai pengantara jualan MPHS dengan Felda.

Bagaimanapun katanya, beliau melepaskan RM9 juta daripada jumlah keseluruhan sebagai nilai pelaburan demi

mendapatkan kepercayaan. Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, S Nithia bertanya kepada Azizi kerana tidak bersetuju dengan soalan yang dikemukakan Salehuddin yang mencadangkan bahawa Ikhwan 'dipaksa' menyerahkan balik komisen sebanyak RM9 juta tersebut.

Azizi: Saya bersama rakan niaga, Mazeed Abd Wahab bersetuju menerima hanya RM1 juta sebagai komisen kerana kurang aktif dalam dalam proses penjualan MPHS kepada Felda pada tahun 2014.

Untuk rekod, JVESB dilantik sebagai syarikat perunding hartanah dengan janji sekiranya dapat menjual hotel itu melebihi harga RM150 juta, JVESB boleh mendapatkan bakinya sebagai komisen.

Felda Investment Corporation (FIC) membeli Hotel Merdeka Palace di Kuching dengan harga RM160 juta.